

09/12/2000

Sindrom acuh letak jawatan dalam politik

Azhar Abu Samah

SINDROM meletak jawatan, sama ada dalam pentadbiran kerajaan, parti politik atau persatuan sukan, mendominasi berita sama ada dalam akhbar atau stesen televisyen di seluruh dunia. Ketika ini, ada pemimpin ketiga-tiga kategori itu sudah meletak jawatan, sedang dipaksa meletak jawatan, enggan meletak jawatan dan ada yang meletakkannya dan pada hari yang sama menarik semula keputusan itu.

Ketika Presiden Filipina, Joseph Estrada, berusaha keras memastikan dirinya tidak tersingkir daripada jawatannya, manakala Gabenor Texas, George W Bush, dan Naib Presiden Amerika, Al-Gore, masing-masing berikhtiar dengan pelbagai cara untuk menjadi Presiden Amerika yang ke-43, ada pula 'insan kerdil' di Malaysia, Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, yang tanpa asas munasabah dan relevan dengan perkembangan semasa, menghantar surat peletakan jawatan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkembangan menarik itu menambahkan lagi bilangan penawaran oleh individu tertentu di Malaysia untuk meletakkan jawatan yang belum tentu dilakukan apabila sampai masanya.

Malah, tindakan Abdul Aziz itu menambah lagi episod 'dramatik' mahu meletak jawatan sebagaimana perkara sama yang dibuat oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, yang mahu mengosongkan kerusi Ketua Umno bahagian Yan pada Mac lalu.

Bezanya, Badruddin hanya membuat pengumuman tanpa menghantar surat kepada Presiden Umno dan menarik balik keputusan itu pada hari yang sama, manakala Abdul Aziz sudah menghantar surat kepada Dr Mahathir dan membuat kenyataan penarikan balik surat itu sehari kemudian.

Pada peringkat lebih global, Presiden Russia, Boris Yeltsin, meletakkan jawatan pada hari pertama alaf baru dengan menyerahkan tugas itu kepada penggantinya, Vladimir Putin; Menteri Keselamatan Indonesia, Jeneral Wiranto, dipaksa meletak jawatan pada Februari 2000 kerana tekanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam soal keganasan di Timor-Timur manakala yang terbaru, Presiden Peru, Alberto Fujimori, meletak jawatan dan berhijrah ke negara asalnya, Jepun.

Di Malaysia, hasrat Badruddin menjadi pembuka tirai sindrom 'meletak jawatan' di kalangan pemimpin parti politik, sebelum ia merebak kepada persatuan sukan dan dewan perniagaan.

Kedegilan bekas Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, melepaskan jawatan itu kerana kegagalan Malaysia memenangi Piala Thomas 'memeriahkan' episod ini. Akhirnya pada Julai lalu, beliau akur dengan tekanan selama beberapa bulan selain mengheret Setiausaha Kehormatannya, Datuk Mohamed Al-Amin Majid, mengikut jejaknya.

Ketika heboh isu letak jawatan dalam BAM, tanpa angin bertiup kencang, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Tan Sri Tajudin Ramli, pada Jun 2000, mengacah mahu meletak jawatan sebagai presiden ketika mesyuarat agung DPMM dengan memberi alasan kepincangan dalam DPMM dan anggota yang tidak mahu mendengar nasihat.

Paling menarik, parti pembangkang, Pas, pada Mei lalu mengambil kesempatan daripada isu suri rumah yang menerima darah mengandungi virus HIV di Hospital Jitra menyerang Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, dan mendesaknyanya meletak jawatan kerana kecuaiannya itu.

Selepas membuat gesaan itu, Pas dikejutkan pula sebulan selepas itu dengan kenyataan wakil Parlimennya dari Sik, Datuk Shahnnon Ahmad, mahu

meletak jawatan sebagai wakil rakyat dengan memberi alasan masalah kesihatan. Pelbagai reaksi datang daripada pemimpin parti itu, termasuk Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, yang mendorong Shahnnon menamatkan `sandiwaranya' itu.

Seluruh negara gempar dengan berita Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, meletak jawatan pada Ogos lalu selepas beliau dikaitkan dengan skandal seks bersama adik iparnya. Khabar ini menarik perhatian di seluruh negara kerana pelbagai spekulasi muncul siapa bakal penggantinya.

Pada bulan yang sama, Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Dr James Masing, `letih' menjelaskan beliau tidak akan meletak jawatan daripada Kabinet negeri kerana gagal merebut jawatan Timbalan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Perubahan pucuk pimpinan Selangor memberi ruang kepada saudagar spekulasi mengaitkan perubahan pucuk pimpinan Negeri Sembilan dan Pahang, apabila masing-masing Menteri Besar, Tan Sri Isa Abdul Samad dan Datuk Seri Adnan Yaakob, dikhabar akan diganti dengan calon tertentu yang membuatkan kedua-dua pemimpin ini naik lemas menafikannya. Penafian Perdana Menteri mengenai perubahan itu melenyapkan terus spekulasi berkenaan.

Sindrom meletak jawatan ini tidak hanya berlaku dalam Umno, malah MIC, Gerakan dan MCA turut merasai tempiasnya. Pada Ogos lalu, Setiausaha MIC, K Partiban, meletakkan jawatannya kerana beliau dikatakan oleh Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, terlalu sibuk dengan urusan keagamaan sehingga tidak mempunyai masa untuk parti.

Bahang `percakaran' antara MCA Pulau Pinang dan Gerakan menyaksikan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, membuat pengumuman mahu meletakkan jawatan sebagai Menteri Perusahaan Utama dan kekal sebagai presiden parti. Bagaimanapun, peletakan jawatan itu akan hanya dibuat pada 2001.

Tanpa sebarang krisis dalaman dalam MCA, secara tiba-tiba satu cawangan MCA di Selangor pada Oktober lalu, mendesak Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan kerana berlaku skandal lesen terbang. Presiden MCA itu ketika membalas gesaan itu dengan berkata beliau sedia meletak jawatan jika desakan timbul daripada kerajaan dan majoriti ahli MCA.

Ada kalanya desakan supaya meletak jawatan datang daripada alasan `lucu' pembangkang. Misalnya, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, diminta meletak jawatan oleh Pas hanya kerana beliau gagal memastikan Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Hakikatnya, peletakan jawatan di negara ini, sama ada dalam parti politik, pertubuhan atau persatuan sukan, ada yang menjadi dan ada yang sekadar menguji sokongan selain perlu dipaksa.

Dalam kes Naib Ketua Pemuda Umno, tindakan untuk meletakkan jawatan itu dilihat oleh pemerhati politik sebagai `kalah sebelum berjuang' kerana beliau gagal mengatasi tekanan hanya kerana satu kekalahan di Lunas sedangkan masih banyak ranjau yang perlu ditempuhi, khususnya dalam menangani cabaran yang membabitkan kepentingan Umno sendiri.

Sebagai pergerakan pelapis, sifat mudah menyerah di kalangan ketuanya hanya kerana mengalami `satu kegagalan' menimbulkan persoalan sejauh mana Pemuda Umno mampu menangani pelbagai isu, bukan saja yang ditimbulkan parti pembangkang atau persatuan yang menjaga kepentingan bangsanya seperti Dong Jiao Zhong atau Dong Zhong, malah di kalangan sayap Pemuda parti komponen Barisan Nasional (BN), khususnya menegakkan soal dan kepentingan bangsa Melayu.

Menurut Abdul Aziz, beliau mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan kerana berasa tidak berupaya menawarkan khidmat kepada Umno dan kecewa dengan pencapaian parti.

"Keputusan ini bukan saja kerana Lunas tetapi pencapaian Umno secara keseluruhan. Saya rasa Umno perlu perubahan mendadak, termasuk dari segi kepemimpinan, cara mengatasi isu, hubungan dengan rakyat dan menjawab isu yang dibangkitkan pembangkang.

"Kekalahan BN di Lunas adalah pukulan terakhir yang saya rasa tidak berupaya lagi untuk menyumbang kepada Pemuda sebagai naib ketua," katanya.

Walau apapun alasan Abdul Aziz, jalan keluar kepada masalah itu bukanlah mencari `escapism' dengan menggunakan jawatannya sebagai sandaran, sebaliknya mencari punca masalah itu yang sudah dijelaskannya satu persatu.

Lagipun, kekalahan BN di Lunas dan kegagalan Pemuda Umno mendesak Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Pertubuhan-Pertubuhan Cina (Sugiu) meminta maaf kerana mempertikaikan hak keistimewaan Melayu bukan dibebankan kepadanya seorang kerana banyak pihak terbabit, khususnya sayap parti komponen lain yang juga perlu memikul tanggungjawab itu.